

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1985/86

HSK 402 - Sejarah: Teori dan Kaedah

Tarikh: 17 April 1986

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.  
(3 jam)

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN(8) soalan.

Jawab EMPAT(4) soalan, DUA(2) dari Bahagian A dan DUA(2) dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. "Ahli sejarah seharusnya bersikap pemilih". (S.H. Carr)  
Bincangkan sama ada pengakuan pendapat yang tersebut di atas oleh ahli sejarah boleh memesangkan kebenaran mengenai masa lampau.
2. Telitian kesahan hujah-hujah C.G. Hempel yang mendukung pandangannya bahawa penjelasan sejarah sepautunya berasaskan kepada hukum am.
3. Berpandukan kepada contoh-contoh yang nyata, ulaskan pandangan H. Butterfield yang menyatakan bahawa usaha ahli sejarah untuk menjatuhkan pengadilan moral, jauh daripada memupuk persefahaman, akan hanya menyemai perasaan benci sesama manusia sendiri.
4. "Kemampuan ahli sejarah adalah terhad. Dia boleh mencari kebenaran objektif mengenai sejarah, tetapi dia tidak akan menemuinya." (C.A. Beard)  
Bincangkan.

BAHAGIAN B

5. "Keistimewaan pensejarahan Yunani adalah terletak dalam usahanya mengisahkan perjuangan genting yang melibatkan nasib orang Yunani secara keseluruhan". (A. Momigliano)  
Berpandukan kepada penelitian tulisan Herodotus dan Thucydides, telitikan kebenaran pandangan yang tersebut di atas.
6. "Perkara yang paling penting bagi ahli sejarah ialah mengkaji manusia sebagaimana ia wujud." (Ranke)  
Sejauh manakah pernyataan yang tersebut di atas diamalkan oleh Ranke dalam penulisannya?
7. "Pengaruh Karl Marx telah memainkan suatu peranan penting dalam memodenkan pensejarahan." (E.J. Hobsbawm)  
Bincangkan.
8. Nilaikan pendapat yang menyatakan bahawa pensejarahan Malaysia sejak Merdeka adalah bertujuan menegakkan keadilan bagi orang-orang yang tewas atau tertindas.